



Keadaan sistem saliran Sungai Lemas yang **tidak dinaik taraf hingga mengakibatkan banjir.**

[FOTO SARAH SULAIMAN/ BH]

Bina ban, bersih anak Sungai Lemas elak banjir

? Kami penduduk sekitar Jalan Nazir, Kampung Sungai Ramal Dalam, Bangi, memohon Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Hulu Langat mengatasi masalah banjir berulang yang kerap berlaku sejak tiga tahun lalu. Ini kerana rumah kami terletak berhampiran laluan anak Sungai Lemas dan banjir mengakibatkan kami kerugian harta benda.

Penduduk merana
Bangi, Selangor

! JPS sudah melantik kontraktor melaksanakan pembersihan anak Sungai Lemas sepanjang 500 meter. Ia bagi mengelak limpahan air Sungai Lemas yang menyebabkan banjir di kawasan itu. Kontraktor terbabit juga akan membina ban penahan

“Kontraktor terbabit juga akan membina ban penahan banjir dengan mengambil kira kajian dilakukan bagi **memastikan kejadian banjir besar yang menyebabkan kawasan rumah penduduk dimasuki air tidak berulang lagi****”**

banjir dengan mengambil kira kajian dilakukan bagi memastikan kejadian banjir besar yang menyebabkan kawasan rumah penduduk dimasuki air tidak berulang lagi.

Roslan Shamsuddin
Jurutera Daerah JPS Hulu Langat